

## **TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI DAN SISTEM TAKSIR SENDIRI**

Rosidah Jamaluddin dan Rosliza Abu Bakar  
 Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Pahang  
[rosidah@pahang.uitm.edu.my](mailto:rosidah@pahang.uitm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Tanggungjawab seorang rakyat Malaysia sebagai pembayar cukai sering diabaikan oleh sesetengah golongan yang mempunyai pendapatan tetap. Sikap sambil lewa dan tidak ambil tahu tentang tanggungjawab ini menyebabkan banyak rakyat Malaysia yang tidak peka dengan tanggungjawab dan hak mereka sebagai pembayar cukai. Adalah penting untuk mempunyai pengetahuan tentang perculaian bagi memastikan setiap warganegara Malaysia mematuhi undang-undang dan peraturan cukai bagi mengelakkan diri dari sebarang cukai tambahan dan denda. Taksir Sendiri merupakan perubahan proses yang menyeluruh dari taksiran formal yang diamalkan sebelum ini. Di bawah Sistem Taksiran Formal, pembayar cukai dikehendaki melaporkan pendapatan didalam Borang Nyata Pendapatan, kembalikan borang tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan LHDN akan membuat taksiran. Notis akan dihantar kepada pembayar cukai dan berpandukan kepada cukai yang ditaksir, bayaran cukai akan dibuat. Di bawah Sistem Taksir Sendiri, pembayar cukai masih perlu mengemukakan Borang Nyata Pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Notis Taksiran tidak akan di keluarkan kepada pembayar cukai. Sebaliknya, pembayar cukai dikehendaki mengira cukai mereka sendiri dan menjelaskan bayaran cukai sepenuhnya pada masa Borang Nyata Pendapatan di kemukakan (<http://www.hasilnet.org.my>). Di Malaysia, undang-undang cukai pendapatan diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53/67). Sesebuah transaksi mestilah merangkumi dibawah bidang pengenaan (scope of charge) cukai seperti yang diperuntukkan didalam Seksyen 3 Akta 1967. Jika tidak, tiada cukai dikenakan diatas transaksi tersebut. Mengikut Seksyen 3, cukai yang dikenali sebagai cukai pendapatan akan dikenakan setiap tahun keatas pendapatan yang tertinggi atau didapati dari Malaysia dan diterima di Malaysia dari luar Malaysia. Dengan itu, setiap warga Malaysia yang berpendapatan samada yang berpenggajian atau bekerja sendiri mesti dikenakan cukai pendapatan. Oleh yang demikian setiap rakyat Malaysia tidak boleh tidak, mesti melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pembayar cukai bagi meningkatkan pendapatan negara.

### **PENGENALAN**

Di Malaysia, hampir 2/3 daripada pendapatan negara diperolehi daripada hasil cukai. Cukai seperti cukai pendapatan , cukai korporat, levi dan lain-lain adalah antara hasil cukai yang banyak menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Setiap pembayar cukai yang berpendapatan tetap samada individu atau syarikat adalah dimestikan untuk membayar cukai sekiranya pendapatan tahunan mereka melayakkan mereka untuk dikenakan cukai. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap individu untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dalam membantu kerajaan menjalankan atau melaksanakan sesebuah projek yang dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara dan keselesaan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Malaysia beralih ke tahun taksiran semasa berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari 2000 (Choong 2004). Pengumuman Sistem Taksir Sendiri (STS) telah dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1999. Sistem Taksir Sendiri telah dilaksanakan untuk syarikat mulai tahun taksiran 2001. Untuk kumpulan individu, peniaga dan pekerja, Sistem Taksir sendiri akan dilaksanakan mula tahun taksiran 2004. Konsep STS adalah "Bayar, Taksir Sendiri dan Hantar". Bagi LHDN, perubahan kepada Sistem Taksir Sendiri bertujuan untuk memodenkan dan menyelaraskan pentadbiran cukai, mengujudkan satu sistem yang lebih efisyen dan pungutan hasil yang lebih cepat dan juga bagi meningkatkan kadar pematuhan cukai.

### **APAKAH TAKSIR SENDIRI?**

Taksir Sendiri adalah satu kaedah di mana pembayar cukai mengira serta membayar cukainya sendiri. Ianya bukan satu sistem baru tetapi satu sistem di mana pembayar cukai mengira tanggungan cukainya sendiri. Sistem Taksir Sendiri membolehkan pembayar cukai menguruskan hal-hal perculaian dengan lebih baik. Untuk melakukan ini, pembayar cukai perlu menyimpan rekod dengan teratur, mengisi Borang Nyata Pendapatan dengan betul, mengira cukai dan mengemukakan Borang Nyata Pendapatan bersama

bayaran cukai terakhir (sekiranya ada). Pembayar cukai juga dikehendaki membuat anggaran cukai kena dibayar untuk tahun semasa dan membuat bayaran ansuran bulanan dalam tahun berkenaan berdasarkan anggaran yang dibuat.

Di bawah sistem taksiran sendiri, adalah menjadi tanggungjawab setiap pembayar cukai untuk mengganggarkan cukainya, mengira pendapatan yang dikenakan dalam tahun semasa dan juga cukai tertungggak (sekiranya ada) semasa menghantar Borang Nyata Pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Cukai yang dibayar dalam tahun 2004 adalah untuk pendapatan yang diterima dalam tahun 2004 yang dikenali sebagai "pay as you earn" (Choongf,2004). Bayaran cukai pendapatan dalam tahun 2004 adalah anggaran cukai untuk tahun itu, dikira samada atas dasar anggaran pendapatan tahun 2003 atau cukai yang dikenakan untuk tahun-tahun sebelumnya. Jumlah cukai sebenarnya bagi tahun taksiran 2004 hanya akan diketahui apabila pembayar cukai menghantar Borang Nyata pada tahun 2005. Penyelarasaran cukai pendapatan untuk tahun 2004 hanya akan dibuat pada tahun 2005 (Choong 2004). Dalam ertikata lainnya, penghantaran Borang Nyata Pendapatan akan dibuat setahun kemudian walaupun bayaran cukai pendapatan adalah atas dasar tahun semasa.

## **TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI**

Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah sebuah organisasi yang berorientasikan pelanggan (pembayar cukai). Dengan itu, pembayar cukai adalah penyumbang utama dalam menghasilkan pendapatan negara. Sebagai penyumbang utama kepada negara, pembayar cukai mestilah menyediari tanggungjawab masing-masing. Seksyen 82, Akta Cukai Pendapatan 1967 berkehendakkan individu untuk menyimpan dan menjaga dengan baik dan teratur rekod-rekod berkenaan pendapatan untuk selama tujuh tahun berturut-turut sebelum tahun taksiran semasa (Singh & Chow 2003).

Pembayar cukai mempunyai beberapa tanggungjawab yang mesti ditunaikan seperti membayar cukai, mengisi Borang Nyata Pendapatan, mengira cukai pendapatan, mengemukakan Borang Nyata Pendapatan dan membayar cukai sebenar. Setiap pembayar cukai di Malaysia mesti memaklumkan LHDN tentang pengiraan cukai pendapatan dengan melaporkan semua punca pendapatan yang diperolehi di Malaysia dan yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia (Seksyen.3, ACP1967). Pembayar cukai dikehendaki memberi semua maklumat termasuk maklumat peribadi jika diminta oleh pihak LHDN.

## **JENIS-JENIS PENDAPATAN YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI**

Sebagai pembayar cukai yang bertanggungjawab, kita perlulah melaporkan didalam Borang Nyata jika ada menerima pendapatan daripada punca-punca pendapatan seperti perniagaan, pencarian dan profesion, penggajian, faedah, dividen, diskau, sewa, rovalti, premium dan premis kediaman bukan untuk perniagaan (Choong 2004).

Menurut Lembaga Hasil Dalam Negeri, sekiranya individu belum pernah menerima Borang Nyata Pendapatan, atau tidak pernah menerimanya, pembayar cukai bolehlah menghubungi LHDN yang berdekatan dengan membawa dokumen-dokumen berikut:-

- a. Penyata gaji tahunan atau borang EA/EC jika pembayar cukai atau isteri mempunyai pekerjaan tetap;
- b. Slip gaji bulanan bagi membuktikan potongan cukai berjadual telah dibuat oleh majikan;
- c. Lesen Perniagaan atau Pendaftaran Perniagaan dan Penyata Akaun untuk tahun berkenaan jika pembayar cukai atau isteri menjalankan perniagaan

Atau, pembayar cukai juga boleh memohon secara bertulis dengan menyatakan:

- d. Nama, Nombor kad pengenalan dan alamat surat menyurat
- e. Nama dan alamat penuh majikan
- f. Salinan Penyata Saraan (Borang EA/EC) untuk tahun berkenaan dan slip gaji bulanan pembayar cukai atau isteri sebagai bukti potongan cuaki berjadual telah dibuat oleh majikan.
- g. Butir-butir perniagaan (jika bermula) seperti nama dan alamat perniagaan, sijil pendaftaran perniagaan dan penyata akaun untuk tahun berkenaan, bentuk perniagaan, tarikh perniagaan dimulakan dan jenis perniagaan.

Manakala, bagi pembayar cukai yang sudah mempunyai fail cukai pendapatan, tetapi masih belum menerima Borang Nyata sehingga 31 haribulan Mac, adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk menghubungi LHDN yang terdekat dengan menyatakan nombor rujukan fail Cukai Pendapatan sebelum 14 April bagi mendapatkan Borang Nyata Pendapatan bagi tahun berkenaan. Mulai Tahun Taksiran 2004, Borang Nyata Pendapatan akan di keluarkan secara berasingan kepada suami dan isteri. Oleh itu, Suami dan isteri bertanggungjawab ke atas hal perculaian masing-masing

Borang Nyata Pendapatan yang di terima hendaklah dipenuhi berasaskan kepada rekod dan dokumen asal seperti Borang EA/EC, Baucer dividen resit asal zakat dan lain-lain. Pembayar cukai juga dikehendaki mengira cukai pendapatan sendiri mengikut peruntukan undang-undang. Pembayar cukai juga diminta untuk memaklumkan kepada LHDN alamat terbaru beliau dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pertukaran jika berlaku sebarang pertukaran alamat. Ini untuk memastikan supaya semua dokumen yang dihantar oleh LHDN akan diterima oleh pembayar cukai.

Borang Nyata Pendapatan yang diterima untuk setiap tahun hendaklah dikembalikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang tercatat dalam borang nyata tidak kira samada seseorang pembayar cukai layak dikenakan cukai atau tidak. Dalam ertikata lain, sekiranya seseorang pembayar cukai menerima Borang Nyata Pendapatan tetapi bukan di dalam kategori yang layak dikenakan cukai, beliau masih perlu mengembalikan Borang Nyata Pendapatan yang diterima kepada pihak LHDN dengan menyatakan pendapatannya yang sebenar. Mulai Tahun Taksiran 2004, Borang Nyata Pendapatan mesti dikemukakan selewat-lewatnya pada 30 April pada tahun berikutnya. Sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan borang, pembayar cukai akan dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

Lanjutan masa bagi penghantaran Borang Nyata Pendapatan boleh dipertimbangkan oleh pihak LHDN jika permohonan dibuat secara bertulis. Pembayar cukai hendaklah menyatakan tarikh lanjutan masa yang dikehendaki, sebab-sebab permohonan lanjutan masa diperlukan dan anggaran pendapatan atau bukti potongan cukai dibuat dibawah skim bayaran ansuran. Permohonan lanjutan masa ini perlu dibuat sebelum tamat tempoh 30 hari penghantaran Borang Nyata .

Borang Nyata yang dikemukakan adalah dianggap sebagai Notis Taksiran kerana Borang Nyata Pendapatan adalah disifatkan sebagai taksiran telah pun dibuat berdasarkan pengiraan yang dikemukakan. Notis Taksiran juga adalah dianggap telah diterima oleh pembayar cukai pada tarikh borang dikemukakan.

Pembayar cukai juga diminta untuk memaklumkan kepada LHDN alamat terbaru beliau dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pertukaran jika berlaku sebarang pertukaran alamat. Ini untuk memastikan supaya sebarang maklumat akan diterima oleh pembayar cukai.

Sekiranya pembayar cukai ingin membuat apa-apa bantahan atau rayuan, pembayar cukai bolehlah memohon secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran dikeluarkan. Namun demikian cukai yang telah dikenakan mestilah dijelaskan walaupun rayuan atau bantahan dibuat. Bayaran cukai boleh dibuat secara ansuran bulanan dengan menghubungi Cawangan Pungutan LHDN yang berdekatan samada di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak atau Kota Kinabalu, Sabah. Bayaran juga boleh dibuat di kaunter bayaran LHDN, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Selain dari itu, bayarn melalui bank boleh juga dibuat dimana-mana cawangan Bumiputra-Commerce Bank Bhd, Public Bank Bhd, dan Public Finance Bhd.,

Adalah menjadi tanggungjawab pembayar cukai untuk membayar cukai terhutang, iaitu di mana cukai kena dibayar (cukai sebenar) melebihi potongan, selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya. Jika pembayar cukai tidak menjalankan tanggungjawab ini, maka cukai yang kena dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% dan tambahan sebanyak 5% lagi sekiranya tamat 60 hari daripada tarikh genap masa.

### KESALAHAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Adalah menjadi kesalahan dibawah Akta Cukai Pendapatan 1967, sekiranya:

- pembayar cukai gagal mengembalikan Borang Nyata yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan
- membuat kenyataan palsu dalam Borang Nyata Tahunan
- gagal melaporkan pendapatan sebenar

- memberi maklumat palsu tentang tanggungan cukai
- gagal memberi maklumat tertentu yang dikehendaki LHDN.

### KESIMPULAN

Secara umumnya cukai merupakan hasil pendapatan terbesar negara yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi . Dengan adanya pengetahuan di dalam bidang perculaian rakyat Malaysia boleh menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai mengikut undand-undang yang diperuntukkan dibawah Akta Cukai Pendapatan 1967.. Semua rakyat Malaysia adalah patut mengetahui tanggungjawab mereka sebagai penyumbang utama kepada hasil negara. Rasa tanggungjawab dan kecintaan terhadap tanahair perlu dipupuk supaya ianya menjadi satu budaya dikalangan rakyat Malaysia. Dengan perlakasanaan Sistem Taksir Sendiri bagi Tahun Taksiran 2004, setiap pembayar cukai wajib menjalankan tanggungjawab masing-masing supaya pungutan hasil dan kadar pematuhan cukai akan lebih meningkat.

### RUJUKAN

- Choong, K.F. (2004). Malaysian Taxation Principles and Practice. Malaysia: Infoworld Malaysia. 10<sup>th</sup> Edition.
- Choong, K.F. (2004). Advanced Malaysian Taxation Principles and Practice Malaysia: Infoworld Malaysia. 6<sup>th</sup> Edition.
- Moore, A. (2002, October 13). Managing the 2002 Tax Change. Sunday Business Post.
- Singh, V. and Chow, C.Y. ( 2003). Malaysian Taxation Revision and Practice Guide. Malaysia: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Texas Comptroller of Public Accounts. (2002). Tax Payers' Rights, Remedies and Responsibilities. Publication Number 96-295.
- Income Tax Act 1967.
- 
- \_\_\_\_\_. Sistem Taksir Sendiri. <http://www.hasilnet.org.my>.
- 
- \_\_\_\_\_. Taxpayers Rights and Responsibilities. <http://www.Michigan.gov.home>.
- 
- \_\_\_\_\_. Taxation, Doing business in Malaysia .<http://www.millards.com/docs/dob/dbmalays.htm>.